

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20 April 2016

SOALAN

Datuk Lihan Jok minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah Kerajaan mempunyai program untuk membantu keluarga meningkatkan keupayaan sosial mereka.

JAWAPAN

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang Di-Pertua, LPPKN di bawah Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat telah mengambil inisiatif mengatur program-program kekeluargaan bagi membantu masyarakat khususnya keluarga melalui program-program LPPKN yang berasaskan Lima (5) Nilai Teras Keluarga Bahagia iaitu KASIH yang bermaksud K=Kasih-Sayang, A= Akhlak, S= Sihat dan Selamat, I= Ilmu dan H= Harmoni. Pengamalan Lima (5) Nilai Teras Keluarga Bahagia adalah bertujuan untuk dihayati dan dijadikan panduan oleh setiap ahli keluarga terutama ketika mendepani cabaran dan rintangan yang wujud dalam kehidupan berkeluarga. Penerapan nilai teras keluarga ini diperkukuh melalui usaha, tindakan dan perlakuan positif yang perlu diamalkan oleh setiap ahli keluarga melalui pelbagai cara seperti sentuhan, belaian, kata-kata ucapan dan sebagainya. Di dalam mengatur program-program untuk membantu keluarga, LPPKN telah menggunakan pendekatan pembangunan keluarga yang berfokuskan kepada kitaran kehidupan berkeluarga (Family life cycle) yang bermula dengan pembentukan keluarga melalui perkahwinan sehingga kehidupan diusia emas. Di antara program tersebut ialah program Keibubapaan, Pra Perkahwinan dan Pemantapan Perkahwinan serta Pembangunan Remaja. Program dan Inisiatif Kementerian KPWK melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan pelbagai usaha bagi memantapkan institusi kekeluargaan melalui pelbagai program pendidikan, pengetahuan dan kemahiran seperti berikut; a) Program SmartStart Program Pra Perkahwinan SMARTSTART, yang diadakan khusus untuk pasangan yang akan berkahwin atau baru berkahwin (kurang 5 tahun). Dari tahun 2006 hingga Disember 2015, sebanyak 616 buah program telah dilaksanakan oleh LPPKN, Badan Agama dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dengan penyertaan seramai 24,470 peserta. b) Program Parenting@Work Program Parenting@Work yang dianjurkan khusus untuk membantu ibu bapa yang bekerja dalam mengimbangi antara tanggungjawab kerja dengan keluarga (work life balance). Dalam tempoh 2007 hingga Disember 2015, sebanyak 748 program telah dilaksanakan oleh LPPKN dengan kerjasama NGO, melibatkan penyertaan seramai 31,422 orang ibu dan bapa. c) Program Ilmu Keluarga@LPPKN Program Ilmu Keluarga@LPPKN diwujudkan bagi meningkatkan kemahiran pengurusan rumah tangga yang lebih berkesan. Sejak 2006 hingga Disember 2015, sejumlah 12,674 kursus telah diadakan yang berjaya menarik penyertaan seramai 1.4 juta orang. d) Program Terapi Minda Program Terapi Minda dilaksanakan bagi membantu peserta mengurus stres demi kesejahteraan diri serta memantapkan personaliti dalam pencapaian dan produktiviti organisasi. Pada tahun 2015, sejumlah 41 program telah diadakan dengan penyertaan sebanyak 1,435 peserta. e) Program SMARTbelanja@LPPKN Program SMARTbelanja@LPPKN dilaksanakan bagi memberi pengetahuan kepada keluarga mengenai kepentingan merancang dan mempraktikkan pengurusan kewangan yang baik. Membolehkan keluarga membina pelan perancangan kewangan yang lebih berkesan. Pada tahun 2015, sejumlah 47 program telah diadakan dengan penyertaan sebanyak 2,579 peserta. f) Program MamaCare Program MamaCare merupakan satu Perkhidmatan Holistik Ibu Selepas Bersalin yang bertujuan untuk membantu meningkatkan kesejahteraan dan kesihatan reproduktif wanita dan keluarga. Pada tahun 2015, seramai 140 pelatih telah mengikuti program ini. Dasar dan Pelan Tindakan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan 2009 adalah bertujuan untuk melahirkan individu yang berpengetahuan dan mempunyai sikap positif dalam bidang kesihatan reproduktif dan sosial. LPPKN di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengambil inisiatif melaksanakan program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Seksualiti iaitu Program PEKERTI fokus kepada remaja dan ibu bapa sebagai langkah untuk menangani isu hamil tanpa nikah dalam kalangan remaja. Program PEKERTI mula dilaksanakan bermula tahun 2011 dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, swasta, NGO serta pemimpin masyarakat melalui program-program seperti berikut:- a) PEKERTI@PLKN LPPKN dengan kerjasama Jabatan Latihan Khidmat Negara telah melaksanakan Program PEKERTI@PLKN semenjak tahun 2011. Program ini memberikan kefahaman kepada golongan remaja bahawa tingkah laku seksual mempunyai kesan dan akibat kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Sejak diperkenalkan pada Jun 2011 sehingga Januari 2015, sejumlah 267,121 orang pelatih PLKN di 81 kem PLKN seluruh negara telah

mendapat pendidikan tersebut. b) PEKERTI@Sekolah LPPKN dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah untuk murid Tahun 6 iaitu selepas UPSR, pelajar Tingkatan 3 iaitu selepas PT3 (Penilaian Tahap 3) dan pelajar Pendidikan Khas di sekolah-sekolah terpilih di seluruh Malaysia mulai tahun 2012. Sehingga Oktober 2015 seramai 8,194 orang pelajar telah mengikuti program ini. c) PEKERTI@IPGM LPPKN telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) pada tahun 2014 untuk melatih para pensyarah IPGM seluruh Malaysia bagi melaksanakan program PEKERTI@IPGM kepada bakal guru sekolah rendah. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan kesihatan reproduktif dan sosial kepada bakal guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Pengetahuan dan kemahiran ini akan dapat membantu guru ini kelak di dalam pengajaran dan pembelajaran subjek kesihatan reproduktif di sekolah. Sehingga Oktober 2015 seramai 2,118 orang pensyarah dan bakal guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan daripada 25 buah IPGM telah mengikuti program PEKERTI@IPGM ini. d) PEKERTI@KOMUNITI Program pendidikan kesihatan reproduktif kepada golongan berisiko tinggi turut diperluaskan pada tahun 2014 untuk merangkumi penghuni institusi JKM seperti Sekolah Tunas Bakti (STB), Taman Seri Puteri (TSP), Rumah Kanak-kanak (RKK), Asrama Akhlak, pelajar sekolah berasrama penuh (SBP), remaja dan ibu bapa di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR), pemimpin komuniti seperti Rukun Tetangga. Usaha ini merupakan bagi pencegahan awal kepada golongan berisiko tinggi. Secara keseluruhan sebanyak 55 program telah dijalankan sepanjang tahun 2014 hingga Disember 2015 yang melibatkan seramai 2,257 peserta. Daripada 55 program tersebut, sebanyak 38 program remaja yang melibatkan 1,455 peserta dan 4 program ibu bapa yang melibatkan 256 peserta. e) Pusat Remaja Kafe@TEEN LPPKN telah mengambil inisiatif untuk menangani masalah kesihatan dan kesejahteraan sosial dalam kalangan remaja dengan mewujudkan Pusat Remaja Kafe@TEEN. Sebanyak 15 pusat remaja kafe@TEEN telah diwujudkan di seluruh Malaysia. Program outreach kafe@TEEN di sekolah-sekolah dan komuniti setempat ini telah berjaya mendekati seramai 1.3 juta orang remaja melalui 13,117 program/ aktiviti dari bulan Januari 2006 hingga bulan Disember 2015.

